



**SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED : JA29**  
**TARAF JAWATAN : KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*)**  
**KEMENTERIAN / JABATAN : PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

#### **SYARAT LANTIKAN WAJIB**

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

#### **SYARAT LANTIKAN**

##### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED JA29:**

Kelayakan Masuk : Sijil  
Bidang/Kelayakan Khusus : Sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf boleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji Permulaan : **JA29 : RM 1,549.00**

##### **ATAU**

Kelayakan Masuk : Diploma  
Bidang/Kelayakan Khusus : Diploma dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan pada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji Permulaan : **JA29 : RM 1,935.02**

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat SPM/SVM

**DAN**

Bidang Kelayakan Akademik : Perancangan Bandar dan Wilayah

Bidang Lain :

**RINGKASAN TUGAS**

- i. Menyediakan maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan/sistem trafik di kawasan perbandaran.
- ii. Memberikan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang pendirian bangunan, pindaan pendirian bangunan, kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan perbandaran.
- iii. Menyediakan pelan dan laporan lawatan tapak bagi permohonan membina struktur menara telekomunikasi dan permohonan cadangan untuk memasang struktur telekomunikasi atas bangunan oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan menyediakan pelan bagi pegawai kawasan.
- iv. Bertanggungjawab terhadap penyelarasan bajet berhubung dengan pengurusan projek, promosi pemasaran hartanah, pembangunan dan bajet mengurus. Pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.